

ISU 2 | 2021 | JILID 2

Buletin FTMK



AKRAB di sana di sini

IoT_Dunia Baharu Teknologi

Webinar Penggunaan
MS Word dan LaTeX

Taklimat OBE_Course
Assessment Report dan
Proses Closing-the-Loop

OBE Clinic
bersama
Penyelaras-Penyelaras
Program FTMK

ADA APA DENGAN TIK TOK?
MAJLIS AGM FICTS SESI 2020/2021



Isi Kandungan

Seminar Akademik Preparing for Accreditation 02	OBE Klinik bersama Penyelaras Program FTMK 03	Taklimat OBE 04	OBE Assesment bersama Staf Akademik FTMK 05
Webinar Penggunaan MS Word dan LaTeX 06	AKRAB di sana di sini 08	Program Shopping Raya 2021 10	Majlis AGM FICTS sesi 2020/2021 11
Beza Pembelajaran Teradun dan Hibrid 13	IoT - Dunia Baharu Teknologi 14	Bagaimana Belajar Rangkaian Komputer 16	Ada Apa Dengan TIK TOK ? 18
Facebook - Perbezaan 'Page' dan 'Profile' 20	Cabaran Menulis menurut Warga Akademik 23		

Pengurusan FTMK Sidang REDAKSI

Dekan

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad

Penasihat

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad

Timbalan Dekan (Akademik)

Ts. Dr. Zulkiflee Muslim

Ketua Editor

Dr. Norhazwani Md Yunos

Timbalan Dekan

(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)

Profesor Madya Ts. Dr. Sabrina Ahmad

Editor

Ts. Dr. Aslinda Hassan

Ts. Dr. Lizawati Salahuddin

Ts. Zakiah Ayop

Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar)

Profesor Madya Dr. Mohd Hafiz Zakaria

Grafik

Penerbit Universiti

Timbalan Pendaftar

Sharifah Nurul Faridah Syed Abu Bakar

Penulis

Ts. Zakiah Ayop

Ts. Dr. Sazalinsyah Razali

Prof. Madya Ts. Dr. Siti Rahayu Selamat

Shahril Parumo

Zarita Mohd Kosnin

Dr. Zahriah Sahri

Prof. Madya Ts. Dr. Robiah Yusof

Ts. Dr. Zaheera Zainal Abidin

Norhidayah Zainudin

Ts. Azlianor Abdul Aziz

Dr. Zuraini Othman

Nur Syahirah Mohd Arsad

Nurul Atiqah Mohd Ariff

Ts. Hidayah Rahmalan

Ts. Nor Mas Aina Md Bohari

Ts. Dr. Ahmad Shaarizan

Shaarani

Ts. Erman Hamid

Ts. Dr. Norharyati Harum

Ts. Dr. Nazrulazhar

Bahaman

Ts. Nor Azman Mat Ariff

Ts. Dr. Mohd Zaki Mas'ud

Nor Baity Kamal Bahrin

Prof. Madya Ts. Dr. Nurul

Akmar Emran



Dari Pena Editor

Dr. Norhazwani Md Yunos
Ketua Editor, Buletin FTMK

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita saksikan penerbitan sebuah majalah yang menjadi kebanggaan warga FTMK, iaitu Buletin FTMK Isu 2/2021. Kali ini, Isu 2 terbit dalam 2 Jilid, iaitu Jilid 1 dan Jilid 2 berikutan pertambahan bilangan artikel yang diterima. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada team sidang redaksi kerana bersatu hati mengerah keringat dalam pengumpulan artikel sebagai wadah untuk dikongsi bersama seluruh warga FTMK khususnya dan seluruh warga UTeM amnya.

Penerbitan Buletin FTMK Isu 2/2021 ini banyak melaporkan aktiviti-aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh warga FTMK, walaupun pada tahun ini, sekali lagi negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0), yang mana sektor pendidikan tidak terkecuali diminta untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) dan kali ini, bagi tempoh yang lebih lama berbanding PKP 1.0 dan PKP 2.0. Selain itu, buletin ini turut memuatkan perkongsian-perkongsian ilmu yang bermanfaat untuk pembaca-pembaca semua. Diharap dengan perkongsian ini, dapat memberikan impak yang positif kepada semua pembaca.

Sebagai ketua editor Buletin FTMK Isu 2/2021, saya mewakili sidang redaksi Buletin FTMK merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang artikel dan seluruh warga FTMK yang terlibat dalam menyumbang idea sehingga terhasilnya wadah FTMK kali ini.

Semoga kita terus berkarya!
Terima kasih.

Sekapur Sirih dari Dekan FTMK

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarganya serta para pengikutnya.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Penerbitan FTMK kerana telah berjaya menerbitkan Buletin FTMK Isu 2 bagi sidang kali ini. Ucapan terima kasih juga kepada warga kerja FTMK yang telah berusaha menjayakan semua aktiviti sama ada di peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2021. Banyak kejayaan yang telah dicapai di mana buletin ini menjadi medium untuk kita sama-sama melakar sejarah dan sebagai arkib kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh fakulti.

Saya berharap penerbitan buletin ini dapat membantu mengembangkan ilmu yang bermanfaat dan dikongsi kepada seluruh pembaca khusus warga fakulti. Ia sejajar dengan peranan fakulti iaitu sebagai penjana ilmu pengetahuan. Amatlah diharapkan agar artikel-artikel yang dihasilkan pada buletin ini dapat menjadi bahan pemangkin kepada pencarian ilmu pengetahuan selain ianya menjadi bahan-bahan pengajaran di bilik kuliah, perkongsian idea dan bacaan santai.

Buletin ini juga membuka peluang kepada gabungan penulis-penulis sedia ada serta penulis baharu di FTMK untuk mengasah bakat, memupuk minat dan berkongsi pendapat serta mengetengahkan kepakaran melalui penulisan.

Akhir sekali, bagi pihak fakulti saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak yang terlibat terutama sidang redaksi Buletin FTMK dan semua yang terlibat dalam menyumbang bahan, idea, masa dan tenaga bagi menerbitkan buletin ini. Mudah-mudahan, usaha ini diberkati Allah SWT dan memberi manfaat kepada semua.

Salam hormat. Selamat membaca!



SEMINAR AKADEMIK

Preparing for Accreditation: MQA & Assessor's Perspectives

Oleh: Ts. Zakiah Ayop, Ts. Dr. Szalinsyah Razali, Prof. Madya Ts. Dr. Siti Rahayu Selamat, Shahril Parumo, Zarita Mohd Kosnin dan Dr. Zahriah Sahri

Academic Talk
**PREPARING FOR ACCREDITATION:
MQA & ASSESSOR'S PERSPECTIVES**

DATE / DAY
9TH APRIL 2021 / FRIDAY

TIME
3.00 PM - 5.00 PM

LOCATION
FTMK'S MEETING ROOM

ONLINE MEETING
Cisco Webex

Meeting number (access code):
182 472 7181
Meeting password:
OBEFTMK2021

BY:
PROF. IR. DR. KHAIROL SALLEH BIN MOHAMED SAHARI
DEPUTY CHIEF EXECUTIVE OFFICER (QUALITY ASSURANCE)
MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY (MQA)

ORGANISED BY:
ACCREDITATION COMMITTEE FTMK & OBE COMMITTEE FTMK

SUPPORTED BY:
FACULTY OF ELECTRICAL ENGINEERING, UTeM
IEEE SMC
Society of Malaysia and Cybernetics Society Malaysia Chapter

Like Comment Share

Odi Yusoff
Hasmah Wan Teh kat sini
Like Reply 2 m

Nor Mas Aina
Attendance Form: <https://forms.gle/RzKwA5yQEVLT7UVq8>

DOCS.GOOGLE.COM
PREPARING FOR ACCREDITATION: MQA & ASSESSOR'S PERSPECTIVES

Jawatankuasa Outcome Based Education (OBE) dan Jawatankuasa Akreditasi Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE), Systems, Man and Cybernetics (SMC) Malaysia Chapter telah menganjurkan satu seminar akademik bertajuk "Preparing for Accreditation: MQA & Assessor's Perspectives" pada 9 April 2021 yang diadakan secara fizikal di bilik ReCap, FTMK dan juga secara maya di FB Live FTMK serta Webex. Seminar ini menampilkan Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh Mohamed Sahri, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program ini dihadiri oleh Dekan dan Timbalan Dekan Akademik FTMK, Pengarah Pejabat

Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA), Pengarah dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko (PPSKR), wakil FKE, Penyelaras Program FTMK, warga FTMK, serta 10 peserta dari luar seperti ahli akademik Univeriti Sains Malaysia (USM) dan ahli IEEE.


Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penyedia dokumen permohonan akreditasi tentang panduan ringkas serta memberi gambaran secara menyeluruh proses permohonan akreditasi. Beberapa soalan teknikal telah dikemukakan kepada penceramah sekali gus meningkatkan kefahaman peserta dalam proses penyediaan dokumen akreditasi.



OBE Clinic bersama Penyelaras-penyelaras Program FTMK


Oleh: Zarita Mohd Kosnin, Ts. Dr. Szalinsyah Razali, Ts. Zakiah Ayop, Prof. Madya Ts. Dr. Siti Rahayu Selamat, Shahril Parumo dan Dr. Zahriah Sahri

Jawatankuasa Outcome Based Education (OBE) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah menganjurkan satu program bertajuk “OBE Clinic selama empat hari bersama Penyelaras-penyelaras Program FTMK” pada 26 Ogos 2021, 27 Ogos 2021, 3 September 2021 dan 9 Sembilan 2021. Program yang dihadiri oleh semua para Penyelaras Program Prasiswazah dan Pascasiswazah Kerja Kursus FTMK, Pengerusi Jawatankuasa Akreditasi FTMK dan Ahli Jawatankuasa OBE FTMK telah diadakan secara maya menggunakan aplikasi Webex.



Rajah 1: Konsep OBE Secara Keseluruhan (GPPPA JPT KPT, 2018)

Seperti yang sedia kita maklum, peranan Jawatankuasa OBE adalah untuk memberikan pendedahan kepada semua staf akademik di fakulti tentang kepentingan, konsep dan amalan OBE dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mereka. Justeru itu, program ini bertujuan membantu para Penyelaras Program FTMK dalam menyemak dokumen “Course Assessment Report (CAR)”, menyediakan laporan “Program Learning Outcome (PLO) Attainments”, dan seterusnya menghasilkan dokumen “Programme Assessment Report (PAR)”. Beberapa sesi soal jawab telah diadakan dengan para Penyelaras Program FTMK sekali gus meningkatkan kefahaman mereka dalam proses semakan dan penyediaan dokumen yang terlibat.



Rajah 2: OBE Clinic secara maya menggunakan aplikasi Webex

Taklimat OBE: Course Assessment Report (CAR) dan Proses Closing-the-Loop (CDL) Peringkat Kursus

Oleh: Ts. Dr. Sazalinsyah Razali, Zarita Mohd Kosnin, Ts. Zakiah Ayop, Prof. Madya Ts. Dr. Siti Rahayu Selamat, Dr. Zahriah Sahri dan Shahril Parumo

Jawatankuasa Outcome Based Education (OBE) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah menganjurkan satu taklimat bertajuk "OBE FTMK: Course Assessment Report (CAR) & Closing-the-Loop (CDL) at the Course-Level" pada 15 September 2021 yang diadakan secara maya menerusi aplikasi Webex. Program ini telah dihadiri oleh para penyelaras dan sekitar 75 para pensyarah bagi kursus-kursus peringkat Diploma, Prasiswazah dan Pascasiswazah FTMK dan ahli Jawatankuasa OBE FTMK.

Program ini bertujuan membantu para penyelaras kursus dan para pensyarah bagi kursus-kursus FTMK dalam menyediakan dokumen CAR, dan memberikan pemahaman menyeluruh tentang proses CDL pada peringkat kursus. Sesi soal jawab turut diadakan sekali gus meningkatkan kefahaman staf akademik dalam proses penyediaan dokumen-dokumen yang terlibat.

The screenshot shows a Webex meeting interface with five participants: Ts. Dr. Sazalinsyah Razali, Gs. Ts. Dr. Safiza Suhana, Datin Ts. Nurazlina Binti M, Zarita Binti Mohd Kosnin, and Ts. Dr. Muhammad Haziq L. The main content is a presentation slide with the following text:

Pensyarah Kursus :
Course Lecturer(s)

Penyelaras Kursus :
Course Coordinator

Kod dan Nama Kursus :
Course Code and Name

Sesi / Semester :
Session / Semester

1. Cadangan penambahbaikan dari semester sebelum ini (jika ada): *Suggestions for improvements from previous semester (if any)*

Undergraduate: Copy from the appropriate column in 'XXX Reports' from the OBE system (undergraduate)
Postgraduate: Refer to previous semester's CQI record.

2. Tindakan yang telah diambil pada semester ini: *Action(s) taken this semester*

Undergraduate: Copy from the appropriate column in 'Subject Improvement Reports' from the OBE system (undergraduate).
Postgraduate: This is the actions that had been taken (if any).

3. Paparan pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) & Hasil Pembelajaran Program (PLO) peringkat kursus:
Display of Course Learning Outcomes (CLO) & course-level Programme Learning Outcomes (PLO) attainments.


Undergraduate: Refer to the 'CLO PO Subject Evaluation Report' from the OBE system (undergraduate) as attached.

OBE Assessment bersama Staf Akademik FTMK

Oleh: Dr. Zahriah Sahri, Ts. Dr. Szalinsyah Razali, Zarita Mohd Kosnin, Ts. Zakiah Ayop, Prof. Madya Ts. Dr. Siti Rahayu Selamat dan Shahril Parumo

Jawatankuasa Outcome Based Education (OBE) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah menganjurkan satu program bertajuk “OBE Course: Outcome Based Assessment” iaitu pada 21 September 2021, 22 September 2021, dan 24 September 2021 yang diadakan secara maya di Webex. Program ini telah dihadiri oleh para penyelaras dan 178 pensyarah bagi kursus-kursus Prasiswazah dan Pascasiswazah FTMK dan Ahli Jawatankuasa OBE FTMK.

Seperti yang sedia kita maklum, peranan Jawatankuasa OBE adalah untuk memberikan pendedahan kepada semua staf akademik di fakulti tentang kepentingan, konsep dan amalan OBE dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mereka. Justeru itu, program ini bertujuan membantu para penyelaras dan para pensyarah bagi kursus-kursus FTMK dalam menyediakan dokumen “Course Assessment Report (CAR)”, pengiraan SLT, pemetaan CLO, PLO dan LOD, jenis-jenis penilaian kursus dan lain-lain yang berkaitan. Beberapa sesi soal jawab telah diadakan sekali gus meningkatkan kefahaman mereka dalam proses penyediaan dokumen-dokumen yang terlibat.



Webinar Penggunaan MS Word dan LaTeX Anjuran JKPPS FTMK 2021

Oleh: Prof Madya Ts. Dr Robiah Yusof, Ts. Dr. Zaheera Zainal Abidin dan Norhidayah Zainudin

Pada semester dua 2020/2021, pihak Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Siswazah (JKPPS) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah berjaya menganjurkan dua program siri webinar bagi pelajar Sarjana (Mod Penyelidikan) dan Doktor Falsafah. Penganjuran webinar ini bertujuan membolehkan pelajar untuk meneruskan pembelajaran dengan lebih baik dan dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar apabila bergraduasi kelak.

Dengan penganjuran siri webinar ini, pelajar akan memperoleh keyakinan diri dalam menyampaikan hasil penyelidikan mereka dan akan memberikan nilai tambah kepada pelajar-pelajar apabila mereka memohon kerja kelak.

Siri webinar pertama bertajuk "Formatting Thesis using MS Word: Tips and Tricks" telah dilaksanakan pada 18 Februari 2021 menggunakan platform Webex. Program ini berlangsung selama tiga setengah jam (9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari). Kehadiran pelajar dalam webinar ini adalah amat memberangsangkan iaitu melebihi 100 orang. Panel jemputan merupakan Timbalan Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) iaitu Dr. Khairul Anwar Ibrahim. Beliau telah berjaya memberikan perkongsian yang komprehensif berkaitan topik ini. Program ini dilaksanakan secara hands-on, menjadikan topik ini mudah diikuti oleh pelajar. Kami amat yakin penganjuran webinar ini mampu membantu pelajar dalam memantapkan lagi penyediaan tesis dan viva voce pelajar.

WEBINAR
Formatting Thesis using MS Word: Tips and Tricks

UTeM's Format Thesis Writing Hands-on


• 18 February 2021 (Thursday)
• 9:00 am – 12:30 noon

Invited Speaker:
Dr. Khairul Anwar b. Ibrahim
FTKEE

<https://utem.webex.com/meet/khairulanwar>

JK PPS FTMK 2021

FTMK



Webinar 1- 18/2/2021
Formatting Thesis Using MS Word:
Tips and Tricks

Microsoft Teams link: shorturl.at/zCPSW

LaTeX:
WEBINAR
Writing Article Journal

LaTeX software is one of the most important tools in helping writing results ranging from technical writing results to scientific documents. Dr. Halizah has used LaTeX for writing her Ph.D. thesis. She and some of her colleagues help staff and students creating an article using LaTeX.

Ts. Dr. Halizah Basiron (Invited Speaker)
Date: 29 Mac 2021 (Monday) Time: 3:00 pm – 5:00 pm
Email: halisah@tutansatu.my

Organized by: **JKPPS FTMK 2021** **FTMK**

Siri webinar kedua pula bertajuk “Writing an academic article with LaTeX” telah dilaksanakan pada 29 Mac 2021 menggunakan platform Microsoft Teams. Program ini berlangsung selama dua jam (3.00 petang hingga 5.00 petang) dengan kehadiran pelajar seramai 20 orang. Panel jemputan merupakan Pensyarah Kanan dari Jabatan Pengkomputeran Pintar dan Analitik (ICA), FTMK iaitu Dr. Halizah Basiron. Pihak JKPPS telah mengenal pasti bahawa beliau mempunyai kepakaran di dalam penggunaan LaTeX. Beliau telah berjaya memberikan perkongsian yang mantap berkaitan topik ini. Program ini juga telah dilaksanakan secara hands-on, bagi memberikan kefahaman yang lebih kepada pelajar. Penganjuran webinar ini mampu membantu pelajar dalam penulisan artikel jurnal bagi pelajar Sarjana (Mod Penyelidikan) dan Doktor Falsafah.



Webinar 2 – 29/3/2021
Latex: writing article journal

AKRAB di sana di sini

Oleh: Ts. Azliator Abdul Aziz, AKRAB 2021/2022

Jualan AKRAB Shopping Point

AKRAB Shopping Point menyediakan jualan makanan berkonsepkan there-and-then seperti pek-pek makanan, snek finger food dan air kotak minuman. AKRAB juga memberi ruang kepada mana-mana ahli untuk bersama-sama membuat jualan persendirian masing-masing. Secara tidak langsung, jualan-jualan ini dapat menjana pendapatan tambahan AKRAB dan juga membantu ahli-ahli AKRAB mendapat pendapatan sampingan.



Persaraan Staf

Pada 12 Mac 2021, AKRAB telah membuat Majlis Persaraan Staf untuk salah seorang staf Expatriate, Dr. Soodabeh Safa yang terpaksa menamatkan perkhidmatannya di UTeM untuk kembali ke tanah airnya di Iraq.



Sumbangan Kasih Sayang

Aktiviti AKRAB yang diteruskan seperti tahun-tahun sebelumnya adalah sumbangan kepada ahli AKRAB meliputi pelbagai perkara termasuklah ahli diuji dengan kesihatan yang kurang memuaskan, ahli ditimpa musibah yang tidak diingini dan juga ahli kehilangan ahli-ahli keluarga tersayang. AKRAB juga meraikan ahli AKRAB yang dianugerahkan cahaya mata dan juga yang telah melangsungkan perkahwinan dengan memberi sumbangan icenderamata. Sumbangan ini adalah lambang tanda prihatin, kasih sayang dan bantu-membantu sesama AKRAB sejajar dengan pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.



Sumbangan Mangsa Banjir

Bencana banjir sekitar bulan Mei 2021 yang melanda negeri Melaka juga terkesan kepada ahli-ahli AKRAB. Lawatan ke kediaman ahli yang terlibat telah dilakukan oleh YBhg. Dekan untuk memberi sumbangan tambahan agar dapat mengurangkan sedikit sebanyak perbelanjaan.





Sumbangan Ihya' Ramadan dan Pertukaran Staf

Bagi menyemarakkan lagi Ihya' Ramadhan UTeM 2021, AKRAB telah menyumbang tajaan makanan dan menyerahkannya kepada wakil Pusat Islam. Selain itu, Majlis Pertukaran PTJ Staf juga telah diadakan bagi menghargai segala sumbangan dan bantuan ahli sepanjang bersama AKRAB. Didoakan staf yang bertukar agar dapat terus menjalankan tugas dengan lebih baik.

Pelbagai Ucapan-ucapan

AKRAB secara berkala memberi ucapan mengikut peristiwa-peristiwa penting, kelahiran cahaya mata, kesejahteraan keluarga dan pelbagai lagi. Semua ucapan disampaikan melalui platform emel dan juga media sosial.



PROGRAM SHOPPING RAYA 2021

Oleh: Dr. Zuraini Othman

Program Shopping Raya merupakan platform kepada warga FTMK, UTEm untuk mendekatkan jurang dan membuka peluang melakukan kerja amal dengan membantu golongan pelajar miskin dan asnaf ini. Program ini telah dijalankan sejak tahun 2015 lagi. Matlamat utama projek ini adalah untuk membantu pelajar sekolah yang berstatus miskin dan asnaf di sekitar negeri Melaka dari segi kewangan dan bahan-bahan keperluan perayaan. Di samping itu, pemantapan ukhuwah yang berterusan di antara warga UTEm umumnya, dan warga FTMK khususnya terhadap golongan sasaran ni. Projek ini akan dikemudi secara bersama oleh staf FTMK menerusi Jawatankuasa ICT dan Masyarakat.

Tahun 2021 ini merupakan tahun ke-7 Program Shopping Raya 2021 telah dilaksanakan dengan norma baharu. Tempoh hebahan sumbangan dari 19 Mac - 14 April 2021 dan aktiviti penyerahan sumbangan telah berlangsung pada 4 dan 5 Mei 2021. Seramai 64 penerima manfaat (pelajar kelainan upaya dan asnaf) daripada pusat autisme, program pendidikan khas integrasi (PPKI) sekolah dan individu telah menerima cenderahati dan duit raya bernilai RM150 setiap seorang. Jumlah sumbangan yang berjaya dikutip adalah RM 9600.

Penerima manfaat adalah daripada:

- i. NASOM Melaka (8 orang)
- ii. PPKI Sekolah Kebangsaan Bukit Lintang (11 orang)
- iii. PPKI Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh (12 orang)
- iv. PPKI Sekolah Kebangsaan Bukit China (12 orang)
- v. PPKI Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil (8 orang)
- vi. PPKI Sekolah Kebangsaan Serkam Darat (13 orang)
- vii. Keluarga asnaf di Tambak Paya yang mempunyai anak OKU

Penyerahan telah diberikan kepada Pengetua, Guru Penolong Kanan, Penyelaras atau individu tempat yang terlibat untuk diserahkan kepada penerima manfaat.

Jawatankuasa Shopping Raya 2021, JK ICT dan Masyarakat FTMK ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para penyumbang dan semua pihak yang terlibat dengan projek Shopping Raya kali ini. Semoga program yang bermanfaat ini akan dapat dijalankan lagi dengan sokongan tuan/puan pada masa akan datang.



Majlis Annual General Meeting (AGM) FICTS Sesi 2020/2021

Oleh: Nur Syahirah Mohd Arsad, Nurul Atiqah Mohd Ariff, Ts. Hidayah Rahmalan, Ts. Nor Mas Aina Md Bohari

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, 14 SEPTEMBER 2021 — Majlis Annual General Meeting (AGM) FICTS Sesi 2020/2021 bersama Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar (TDPP), Penasihat-Penasihat, Ahli-Ahli Jawatankuasa dan Barisan Kepimpinan Persatuan Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). AGM FICTS berlangsung setiap tahun bagi menghargai usaha yang telah dicurahkan oleh setiap ahli FICTS dan juga bertujuan melantik barisan kepimpinan yang baharu dengan harapan dapat memberi motivasi kepada setiap ahlinya.

AGM FICTS Sesi 2020/2021 telah berjaya dilaksanakan melalui platform dalam talian, Microsoft Teams. Barisan kepimpinan FICTS yang terdiri daripada pelajar Tahun 1 sehingga Tahun 3, dilantik menjadi penggerak program-program yang dijalankan bagi membantu pelajar-pelajar FTMK. Barisan ini turut melibatkan wakil-wakil kelab di bawah FICTS iaitu Kelab Diplome, IMC, Netsa, SEC, Ai, dan BITE yang juga bertindak sebagai Exco Pembangunan Pelajar FICTS.

Majlis dimulai dan dirasmikan dengan ucapan dari TDPP FTMK, Prof. Madya Dr. Hafiz bin Zakaria. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua ahli FICTS yang baru dilantik. Beliau mengingatkan bahawa tanggungjawab yang diberi perlu digalas bersama sebagai sebuah pasukan. Beliau juga memberi pujian ke atas usaha yang telah dilaksanakan oleh barisan kepimpinan FICTS Sesi 2020/2021 kerana telah berjaya mengekalkan momentum dan menjadi salah satu persatuan yang sentiasa relevan dan berjaya menyampaikan maklumat melalui platform media sosial dengan tepat dan pantas.

Majlis diteruskan dengan ucapan dari Ketua Penasihat FICTS, Ts. Hidayah binti Rahmalan. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan FICTS Sesi 2020/2021 kerana telah berjaya menganjurkan pelbagai program yang memberi manfaat kepada pelajar meskipun negara sedang diuji dengan wabak Covid-19. Beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan kepimpinan FICTS Sesi 2020/2021 dan Sesi 2021/2022.

Presiden FICTS Sesi 2020/2021, Saudari Natasha binti Nasharuddin juga memberi kata-kata akhir sebelum pembubaran barisan kepimpinan FICTS Sesi 2020/2021.



Sebagai presiden, beliau amat berpuas hati atas segala usaha dan idea yang telah dicurahkan oleh semua pihak. Beliau turut menyatakan ucapan tahniah kepada barisan kepimpinan FICTS Sesi 2021/2022. Harapan beliau semoga barisan kepimpinan baharu dapat terus menganjurkan lebih banyak program yang berimpak tinggi. Aktiviti atau program FICTS bagi Sesi 2020/2021 telah dibentangkan oleh setiausaha FICTS Sesi 2020/2021, Saudari Siti Aishah binti Razali. Beliau memaklumkan bahawa sebanyak 25 program telah berjaya dianjurkan. Program tersebut termasuklah 5 bengkel, 9 webinar, 3 crash courses, 6 pertandingan, 1 majlis anugerah dekan, dan 1 program kebajikan. Sebanyak 11 program dianjurkan pada Semester 1, dan berbaki 14 program berlangsung pada Semester 2.

Pembentangan belanjawan FICTS pula dibentangkan oleh Bendahari FICTS Sesi 2020/2021, Saudara Muhammad Ikmal bin Mazlan. Secara kasar, pada Semester 1, sebanyak RM1,500.00 peruntukan VOT dan sebanyak RM954.00 duit FICTS telah dibelanjakan untuk menjayakan program-program yang telah direncanakan. Manakala, pada Semester 2, sebanyak RM3,960.00 peruntukan VOT dan sebanyak RM4,526.10 duit FICTS telah dibelanjakan bagi tujuan yang sama. Keuntungan yang berjaya dikumpul pula adalah sebanyak 17% hasil daripada penjualan baju FTMK.



Rajah 1: Sesi Bergambar di platform Microsoft Teams.

Masa yang ditunggu-tunggu, iaitu perantukan Majlis Tertinggi FICTS Sesi 2021/2022 berlangsung dengan tayangan video istimewa. Video tersebut memperkenalkan setiap ahli Majlis Tertinggi dan jawatan yang disandang. Sejurus video berakhir, ucapan daripada Presiden FICTS Sesi 2021/2022, Saudara Mohamad Farhan Faizzuddin bin Razali menyusul. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih atas kepercayaan ramai dalam memilih beliau sebagai Presiden FICTS Sesi 2021/2022. Beliau turut menyatakan harapan terhadap setiap ahli FICTS agar dapat menjalankan hubungan yang lebih akrab dan dapat sama-sama memperbaiki setiap apa yang kurang.

Sebelum berakhir, semua Penasihat dan ahli FICTS (Sesi 2020/2021 dan Sesi 2021/2022) sempat merakamkan moment penting dengan sesi bergambar di platform Microsoft Teams.

Buat ahli FICTS Sesi 2021/2022, ingatlah kerjasama itu amat penting bagi sesebuah persatuan mengekalkan momentum untuk berjaya. Bak kata pepatah melayu “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”.

Beza Antara Pembelajaran Teradun dan Pembelajaran Hibrid

Oleh: Ts. Dr Ahmad Shaarizan Shaarani

Istilah pembelajaran teradun diterjemah daripada bahasa Inggeris iaitu blended learning manakala pembelajaran hibrid pula diterjemah daripada hybrid learning. Ramai dikalangan ahli akademik yang memperkatakan bahawa kedua-dua kaedah pembelajaran ini akan menjadi pendekatan yang akan diguna pakai secara meluas di dalam sistem pendidikan terutamanya di institusi pengajian tinggi (IPT) memandangkan kebanyakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa era pandemik Covid-19 atau semasa pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PDPR) adalah melalui pembelajaran di dalam talian secara sepenuhnya. Sepatutnya para pensyarah di IPT tidak akan menghadapi sebarang masalah bagi mengimplimentasikan kedua-dua kaedah pembelajaran tersebut apabila kesemua pelajar dibenarkan untuk kembali ke kampus semasa era pasca pandemik kelak.

Definisi perkataan hibrid di dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membawa maksud (bio) iaitu anak haiwan atau tumbuhan yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis benih yang berlainan (kacukan) manakala dari segi pengkomputeran pula ianya bermaksud sifat sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi yang berlainan. Manakala kenderaan hibrid atau kereta hibrid pula merujuk kepada kenderaan yang tidak bergantung kepada kuasa bateri atau petrol semata-mata tetapi juga enjin pembakaran dalaman yang memacu penjana untuk membekalkan elektrik dan juga untuk pemanduan secara langsung. Dengan kata lain, kereta hibrid menggunakan lebih daripada satu sumber tenaga untuk menggerakkan kenderaan.

Akan tetapi perkataan hibrid membawa maksud dan pengertian yang agak berlainan di dalam konteks kaedah pembelajaran. Pembelajaran hibrid membawa maksud kaedah pembelajaran yang dilaksanakan ke atas kumpulan pelajar yang berbeza iaitu separuh daripada pelajar hadir ke kelas atau bilik kuliah dan belajar secara bersemuka dengan pensyarah dan separuh lagi pelajar mengikuti kelas secara berjauhan iaitu melalui dalam talian. Apa yang perlu dipastikan oleh para pensyarah apabila melaksanakan pembelajaran secara hibrid ialah kedua-dua golongan pelajar tersebut mestilah mendapat input dan pengalaman pembelajaran yang sama.



Persoalannya sekarang ialah bagaimana kaedah pembelajaran hibrid ini dapat dilaksanakan di IPT? Sudah semestilah pembelajaran secara hibrid memerlukan sokongan peralatan yang disediakan oleh pihak universiti seperti kamera dan capaian internet berkelajuan tinggi yang dapat merakam proses pembelajaran yang dilaksanakan di dalam bilik kuliah. Rakaman video pengajaran tersebut boleh dicapai oleh para pelajar yang tidak dapat hadir ke bilik kuliah sama ada melalui capaian dari rumah atau dari mana-mana tempat mereka berada. Proses penyampaian rakaman video pengajaran tersebut boleh disalurkan melalui dua kaedah iaitu sama ada secara segerak atau tidak segerak.

Manakala pembelajaran teradun pula membawa maksud kaedah pembelajaran yang disampaikan kepada golongan pelajar yang sama tetapi disampaikan melalui dua pendekatan iaitu secara bersemuka di bilik kuliah dan secara di dalam talian pada masa yang berlainan. Sebagai contohnya, katakan daripada 14 minggu jadual perkuliahan di dalam satu-satu semester lazim, empat minggu pertama pengajaran disampaikan secara dalam talian, dan baki dari minggu ke-5 sehingga minggu ke-14 PdP dilaksanakan secara bersemuka. Secara ringkas pembelajaran teradun ialah kaedah pembelajaran secara formal dan tidak formal yang menggabungkan media digital dalam talian dengan kaedah pembelajaran secara tradisional dan disampaikan kepada pelajar yang sama.

Sebagai kesimpulan, istilah pembelajaran hibrid dan pembelajaran teradun membawa maksud dan pengertian yang berbeza namun malangnya kita sering kali membaca atau mendengar perkataan pembelajaran hibrid telah disalah ertikan yang sebenarnya membawa maksud pembelajaran teradun.

IoT: Dunia Baharu Teknologi

Oleh: Ts. Erman Hamid dan Ts. Dr. Norharyati Harum

Dunia lewat ini melalui zaman di mana manusia meladeni kehidupan dengan teknologi sebagai alatan bantuan. Ada yang menyangkal? Ia sudah semestinya sekalian isi dunia sebulat suara menyetujui, bahawa era kehidupan yang kita lalui sekarang ini memperlihatkan manusia dibantu teknologi dalam setiap urusan.

Buka pintu rumah contohnya, bukan lagi hanya menggunakan anak kunci tembaga semata-mata, ia kini boleh dibantu oleh kotak teknologi barangkali, dengan pelbagai kefungsiannya sama ada dengan menekan panel, meletakkan ibu jari untuk pengesahan identiti ataupun cuma hanya menggunakan anak mata atau lontaran suara untuk pengesahan identiti. Inovasi yang semakin berkembang saban hari ini digelar Teknologi berasaskan Internet (Internet of Things – IoT), yang menurut IEEE Spectrum memperlihatkan perkembangan sehingga 31% penggunaan tahun demi tahun dengan sejumlah 8.4 bilion penggunaan pada 2017 kepada mencecah sehingga 30 bilion penggunaan direkodkan pada 2020!

Nilai pasaran IoT yang mencecah sehingga USD 7.1 trilion pada 2020, meningkat dengan drastik berbanding hanya USD 212.1 bilion pada 2018 seperti dilaporkan PR Newswire, menunjukkan betapa IoT kini sebuah cabang teknologi yang mengambil alih kelangsungan ekonomi dunia, memberikan dimensi baharu kepada penggiat Teknologi Maklumat (Information Technology - IT) seluruhnya.

Apa sebenarnya IoT?


IoT adalah alatan teknologi yang dihidupkan dengan sambungan Internet sebagai kefungsiannya utamanya, membolehkan komunikasi atau sambungan antara pengguna, alatan kawalan dan peralatan yang menjadi subjek utama inovasi. Mengambil contoh pintu rumah, ianya berfungsi dengan sambungan rangkaian Internet dengan panel kawalan dan pengguna; membolehkan pintu rumah tersebut dikawal tanpa lagi menggunakan kunci tradisional.

Kefungsiannya IoT melangkaui keupayaan terhad, bergantung kepada bentuk dan skop fungsi yang dimahukan pasaran. Kebanyakan alatan IoT mendambakan sambungan Internet bertujuan membolehkan kawalan jauh dilakukan pengguna terhadap subjek yang mahu dikawal. Ia melibatkan juga capaian terhadap pangkalan data dalam talian membolehkan fungsi pengesahan identiti dilakukan menyuntik elemen keselamatan.

Mengambil contoh IoT bagi pintu rumah, pengguna tidak perlu mengupah pengawal keselamatan dengan peruntukan kewangan untuk bayaran gaji setiap bulan bagi memastikan pintu rumah dibuka dan cerobohi! Teknologi IoT menawarkan ciri keselamatan tersebut, dengan menentukan identiti yang sah bagi membuka pintu rumah, selain fungsi asas untuk membuka atau menutup pintu rumah tersebut.

Bila IoT bermula?

IoT sebenarnya telah mula diusahakan sekitar pertengahan 1980an sehingga tahun-tahun 1990an. Pelik bukan, sementelah rakyat Malaysia sendiri belum kenal kepada rangkaian Internet pada 1980an, malah tidak terdedah dengan baik kepada perkhidmatan rangkaian Internet pada awal 1990an pun. Hakikatnya IoT pada ketika ini sudah mula diusahakan, dengan mesin layan diri berasaskan Internet



[Sumber infografik

- <https://www.tutorialandexample.com/iot-tutorial/>]

menjadi antara produk IoT awal yang cuba menerbitkan kelainan kepada pasaran.

Ia tentunya IoT ketika era awal pengenalannya sangat tidak terserlah kredibilitinya lantaran ianya terdiri dalam bentuk perkakasan yang bersaiz besar dan tidak mudah alih, dengan teknologi semasa ketika itu tidak mampu menyokong idea pragmatik sebuah teknologi bernama IoT. Rangkaian Internet ketika itu sangat perlahan dan berkapasiti terhad dengan saiz cip yang juga besar dan kompleks menyebabkan IoT sangat terlindung potensi sebenarnya.

Perkembangan teknologi yang pesat, daripada kejuruteraan produk elektrik/elektronik kepada perkembangan luar jangka teknologi Internet menjadikan IoT sesuatu yang mengujakan untuk disaksikan impaknya. Adaptasi sensor dan kepintaran buatan kepada alatan IoT memberikan dimensi ke hadapan kepada perkembangan produk berasaskan IoT; malah kemunculan teknologi keselamatan rangkaian seperti Radio Frequency Identification (RFID) dan perkembangan teknologi rangkaian tanpa wayar seperti 3G, 4G dan kini 5G; memberikan IoT nyawa baharu kepada kelangsungan dunia masa hadapan.

Kevin Ashton menciptakan frasa 'Internet of Things' pada 1999, sebuah frasa yang diperlekehkan ketika itu oleh masyarakat dunia hanya disebabkan oleh tidak bersedianya

teknologi sedia ada ketika itu menyanggupi idea penciptaan IoT itu sendiri. Kini pada 2021, IoT dilihat punya potensi untuk menjadi 'The Next Big Things' kepada dunia era baharu yang sedang menuju anjakan teknologi yang dinantikan dengan pelaksanaan sepenuhnya teknologi 5G dan teknologi pengalamatan Internet Protocol version 6 (IPv6) kelihatan sangat cocok dengan karisma terpendam yang ada pada IoT itu sendiri.

Bayangkan apa yang bakal IoT tawarkan kepada dunia dengan kehadiran rangkaian tanpa wayar jalur lebar se-gah 5G disokong oleh kelebihan keselamatan, mobiliti dan kapasiti dimiliki teknologi pengalamatan IPv6? Ia bakal sama sekali mengubah lanskap penggunaan peralatan dalam kehidupan manusia dengan kebanyakan kefungsi-an mekanikal yang sudah digunakan manusia untuk jangka masa yang sangat lama; kepada kefungsi-an berasaskan teknologi IoT yang berteraskan Internet, elektronik, elektrik, keselamatan dan kepintaran buatan.

Teknologi IoT bakal mengubah sama sekali cara hidup manusia, dengan segalanya menjadi lebih mudah, cepat dan selamat. Masanya semakin hampir untuk manusia bergantung kepada alatan sokongan kehidupan yang hadir dalam bentuk pembantu elektronik bernama IoT dengan kini sedia memiliki beberapa adaptasi popular IoT yang antaranya termasuk peralatan rumah pintar, kamera pintar, pengangkutan pintar, alatan sokongan kecergasan/kesihatan, dan alatan bantuan perindustrian.

Peralatan Rumah Pintar: Inovasi IoT untuk peralatan rumah yang menyokong elemen-elemen dalam sebuah rumah seperti pintu rumah, tingkap rumah; malah sehingga kepada alatan-alatan dalam rumah termasuk alatan elektrik, elektronik dan mekanikal. Alatan kawalan jarak jauh televisyen sedia ada di rumah setiap manusia sekarang ini adalah suatu contoh teknologi IoT dengan keupayaan untuk dikawal selia menggunakan talian Internet daripada mana-mana lokasi sekalipun. Terlampau banyak alatan dalam rumah yang boleh menerima suntikan inovasi IoT, dan ia kini terserah kepada penggiat teknologi untuk mengilhamkan ciptaan terbaharu yang mampu memudahkan umat manusia.

Kamera Pintar. Meninggalkan harta peribadi jauh daripada pandangan dan kawalan adalah kerisauan manusia secara global, maka memiliki sebuah kamera yang boleh dikawal ataupun sekurang-kurangnya yang mampu mengesan dan memberikan pemakluman oleh aktiviti mencurigakan adalah suatu kepuasan kemanusiaan yang bukan kepalang. IoT menawarkan ciri ini dengan kefungsi-an sebuah kamera yang boleh dikawal ruang sorotannya daripada jarak jauh menggunakan teknologi Internet. Kamera kawalan jauh di depan pintu rumah, di dalam sangkar haiwan peliharaan, peti surat dan ruang tamu sebuah rumah semestinya menjadi pilihan pengguna untuk membolehkan mereka tidak risau kepada rumah yang ditinggalkan.

Kenderaan Pintar: Lihat apa yang ditawarkan aplikasi Grab dengan membekalkan lokasi kereta yang ditempah tanpa pengguna perlu tertunggu-tunggu di depan halaman rumah? Duduk sahaja menonton televisyen, dan aplikasi di tangan akan diberikan notifikasi memberitahu bahawa kenderaan yang ditunggu telah berada hampir ataupun sudah sampai di hadapan rumah. Ini contoh IoT kenderaan pintar, yang mana ciri yang sama boleh diadaptasikan kepada pelbagai kefungsi-an seperti alatan pengesanan lokasi kenderaan bagi mengetahui lokasi masa nyata jika ianya dicuri. Pelajar di universiti juga tidak perlu menunggu lama di stesen bas kerana alatan IoT boleh membantu memberitahu lokasi bas dan bila bas dijadualkan tiba di setesen menunggu. Serba mudah bukan? Ia boleh dilakukan dengan IoT!

Alatan Kecergasan/Kesihatan: Biasa berjoging dan tidak pasti sudah berlari berapa jauh? Terpaksa mengira langkah dalam larian untuk memastikan ianya sudah mencapai had minimum 10000 langkah setiap hari? Teknologi IoT menawarkan kefungsi-an berikut, malah ianya boleh disambungkan kepada pangkalan data awam untuk menilai hal-hal berkait kesihatan seperti tafsiran kepada denyutan jantung dan tekanan darah ketika sedang bersenam; dengan nasihat kesihatan automasi masa nyata ketika senaman sedang dilakukan membolehkan pengguna menilai status kesihatan tanpa mengira tempat dan masa. Ianya boleh sahaja diadaptasikan dalam bentuk jam pintar, kasut pelbagai fungsi, dan gelang automasi; yang hakikat kejadiannya sebuah produk dengan adaptasi IoT. Paling ampuh, alatan kecergasan/kesihatan IoT sebegini sampai boleh melaporkan kecemasan kesihatan kepada pihak bertanggung jawab seperti ahli keluar, sampai kepada doktor peribadi dan hospital sekaligus.

Alatan Bantuan Industri: Kefungsi-an sensor yang dijalankan dengan teknologi Internet membolehkan industri mengawal operasi mesin tanpa perlu berada di lokasi mesin tersebut berada. Teknologi IoT membantu urusan pengawasan operasum penjadualan penyelenggaraan dan logistic, malah sebahagian besar tenaga manusia dan mesin mekanikal dapat digantikan dengan robot pintar yang boleh dipantau dan dikendalikan daripada jarak jauh. Kos penyelenggaraan operasi dapat dijimatkan, prestasi dan kapasiti operasi dapat ditingkatkan; sekaligus membolehkan organisasi beroleh lebih keuntungan. Dunia industri bakal sepenuhnya dijana oleh teknologi IoT jika nanti teknologi 5G dan IPv6 digunakan dengan sepenuhnya.

Sekadar menyebut beberapa contoh, kerana pada setiap sedutan nafas pada setiap detik kehidupan era ini, suatu idea teknologi IoT mungkin sedang diterjemahkan menjadi sebuah alatan komersial yang hasil akhirnya bersifat memberikan manfaat dan kemudahan kepada manusia sebagai pemakmur isi dunia.

Bagaimana Belajar Rangkaian Komputer?

Oleh: Ts. Erman Hamid, Ts. Dr. Nazrulazhar Bahaman, Ts. Nor Azman Mat Ariff dan
Ts. Dr. Mohd Zaki Mas'ud

Rangkaian Komputer merupakan salah satu cabang ilmu dalam Teknologi Maklumat (Information Technology – IT), yang antaranya termasuk Pengurusan Maklumat, Kejuruteraan Perisian, Multimedia, Pangkalan Data dan Kepintaran Buatan.

Teknologi yang menerangkan perihal sambungan dua atau lebih peranti menggunakan media penghantaran ini hakikatnya adalah sebuah bidang yang luas; bukan hanya berkisar sekitar bagaimana sebuah data bergerak daripada penghantar kepada penerimanya.

Ia merangkumi huraian konsep dan praktikal berkaitan bagaimana sebuah data digerakkan daripada suatu peranti kepada peranti yang lain, merangkumi kefungsiannya perkakasan dan perisian; dengan teori yang luas menghuraikan setiap proses di dalamnya.

Lazim kedengaran, cakap-cakap siswa lepasan program Diploma Sains Komputer dan Teknologi Maklumat yang tidak berani mengambil risiko untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Rangkaian Komputer dengan kebanyakannya menganggap ia sebagai sebuah bidang dalam IT yang sukar dan membosankan.

Benarkah Rangkaian Komputer sukar dipelajari, dan apakah agaknya nasib pelajar yang tidak mengemari Rangkaian Komputer tetapi terpilih mengikuti program Rangkaian Komputer? Adakah mereka bakal menemui jalan gelap yang kemudiannya berakhir dengan kebuntuan meneruskan kelangsungan dalam bidang ini?

Ia sama sekali tidak benar, kerana setiap cabang dalam IT hakikatnya mempunyai kekuatan dan kefungsiannya tersendiri. Rangkaian Komputer hakikatnya sama seperti cabang teknologi lainnya, yang perlu dipelajari dengan kaedah dan teknik yang betul, yang kemudiannya akan menyebabkan ianya mudah dikuasai dan kemudiannya dimahiri.

Kami bantu dengan beberapa pendekatan yang perlu diambil untuk memastikan ilmu Rangkaian Komputer ini mudah dipelajari, menjadikan setiap teori dan praktikal terkandung di dalamnya difahami dan dapat dipraktikkan.

Hafal dan ingat

Kaedah biasa dalam pembelajaran melewati segala bidang adalah kebolehan mengingat seberapa banyak isi kandungan bidang yang dipelajari. Perbuatan menghafal untuk kemudiannya mengingat ini adalah asas kepada mendaftarkan kesemua terma terkandung dalam sesebuah

cabang ilmu dan ianya asas penting untuk mengorak langkah seterusnya dalam bidang tersebut di masa hadapan.

Rangkaian komputer memiliki terlalu banyak terma, merangkumi perkakasan, perisian dan protokol; yang bermakna mengingat kesemua terma ini adalah kewajiban terdahulu sebelum kemudiannya disusuli dengan usaha untuk memahami definasi, fungsi dan konsep setiap terma tersebut. Istilah-istilah seperti 'subnetting', 'Local Area Network' (LAN), 'packet', 'trunking', 'Internet Protocol' (IP), 'topology', 'broadcast address', 'User Datagram Protocol' (UDP), dan 'port number' mesti sudah sedia terdaftar dalam tuntas fikir, sebelum ianya boleh ditaakuli maksud dan konsep pengoperasiannya.

Berdamping dengan pakar

Menghabiskan masa dengan mereka yang mengetahui teknologi Rangkaian Komputer adalah jalan singkat untuk memahami setiap terma dan konsep terkandung. Pengalaman mereka yang pakar ini adalah ilmu berharga yang boleh dipindah masuk dengan mudah; membolehkan terma yang sudah dihafal dan diingat sebelumnya kini difahami berdasarkan perkongsian pengalaman tersebut.

Melihat sendiri penerangan pakar mengenai bagaimana melakukan pengalamatan IP contohnya, adalah sesi tutorial yang berkesan kerana setiap cara dan kaedah penyelesaian dapat ditunjukkan dan dibetulkan secara berdepan, manakala mendengar sendiri penerangan pakar tentang cara operasi setiap perkakasan rangkaian membolehkan gambaran tentang bagaimana perkakasan tersebut beroperasi, dapat dibuat dengan lebih jelas berbanding membaca secara bersendirian. Dengar, banyakan bertanya dan fahamkan; proses pembelajaran Rangkaian Komputer akan menjadi mudah dan cepat.

Kenalpasti hubungan kait antara setiap konsep dan komponen

Selain menghafal dan mengingat setiap terma yang terkandung dalam Rangkaian Komputer; ianya perlu difahamkan dengan menyeluruh agar justifikasi yang tepat dapat dibuat ketika menerangkan tentang sesuatu fakta berkait. Untuk tujuan ini, adalah penting untuk mengetahui hubungan kait setiap konsep yang dipelajari kerana setiap konsep yang terdapat dalam Rangkaian Komputer adalah bersandar antara satu sama lain.

Untuk memahami Model Transfer Control Protocol/Inter Protocol (TCP/IP) contohnya, pengetahuan mengenai

Model Open System Interconnection (OSI) perlu terlebih dahulu diketahui. Pembelajaran tentang lapisan fizikal Model OSI pula, perlu dilengkapkan terlebih dahulu sebelum kajian dibuat terhadap lapisan pautan data Model OSI kerana sumber data yang dihantar akan melalui lapisan fizikal terlebih dahulu sebelum kemudiannya memasuki lapisan pautan data. Ilmu tentang protokol User Datagram Protocol (UDP) pula perlu ada untuk kemudiannya lebih mudah memahamkan protokol TCP/IP.

Setiap kali penelitian dilakukan kepada sesuatu terma dan konsep baharu; pastikan ianya dibandingkan dengan terma dan konsep yang dipelajari dalam sukatan kandungan sebelumnya kerana ia lazimnya sangat berkait dan ada hubungan antara satu sama lain. Tidak memahami sesuatu sukatan kandungan akan menyebabkan kefahaman kepada sukatan kandungan berikutnya akan ikut terganggu.

Analogikan peranti rangkaian ketika proses pembelajaran

Kepada setiap terma yang sedang difahamkan, pastikan teori kepada terma tersebut dita'akuli dengan membayangkan cara operasi kepada peranti tersebut. Jika kefahaman sedang dibuat berkait proses sebuah email dihantar kepada sesebuah destinasi; analogi kepada penghantaran surat fizikal wajar dilakukan bagi mendapatkan gambaran bagaimana data email tersebut bergerak daripada penghantar kepada penerima. Jika proses sebenar pelaksanaan setiap peranti rangkaian diketahui dengan menyeluruh, proses memahamkan setiap terma dalam Rangkaian Komputer menjadi lebih mudah dan cepat.

Bayangkan betapa susahnyanya mengingat setiap lapisan dalam Model OSI dan sekaligus memahamkan konsep penghantaran data yang diketengahkan model tersebut. Ia sebaliknya menjadi mudah dengan menggunakan analogi penghantaran surat fizikal, yang kemudiannya dibandingkan dengan kaedah penghantaran email ataupun komunikasi WhatsApp, yang menerangkan perjalanan data bagi komunikasi tersebut lapisan demi lapisan. Analogi sebegini dengan mudahnya menunjukkan bagaimana data bergerak mengikut konsep kerja setiap lapisan, yang akhirnya mampu membantu membangunkan definisi setiap lapisan sehingga kepada konsep dan cara kerja setiap lapisan tersebut. Bukankah lebih mudah belajar dengan contoh, berbanding menghafal segalanya-galanya dengan membabi-butanya?

Banyakkan bertanya kepada diri sendiri

Malu bertanya sesat jalan, begitulah kata pepatah Melayu lama, dan ia tidak terkecuali diamalkan dalam menguasai cabang ilmu Rangkaian Komputer. Lebih banyak persoalan bermain di akal fikir akan menggerakkan usaha untuk

mengetahui dan kemudiannya memahami. Sentiasa berfikir mengenai subjek yang dipelajari dan lontarkan persoalan demi persoalan untuk disusul kemudiannya dengan usaha penyelesaian. Bukankah mereka yang tidak berfikir tergolong dalam kalangan mereka-mereka yang rugi? Pertanyaan kepada diri sendiri ini akan mendorong kepada langkah berikutnya dalam penyelesaian masalah dengan cuba memahamkannya secara sendiri ataupun sampai akhirnya kepada mendapatkan penerangan dan perkongsian daripada pakar.

Banyakkan berlatih

Pepatah barat ada menyebut, latihan memberikan kesempurnaan. Ianya petunjuk kejayaan bahawa latihan yang banyak boleh membawa kepada kesempurnaan dan ini termasuklah pembelajaran mengenai cabang bidang Rangkaian Komputer juga. Berlatih mengingat sesuatu fakta yang sudah diketahui, berlatih menerangkan sebuah ilmu yang sudah difahami dan berlatih melakukan sesuatu cabang praktikal yang sudah pernah dilalui. Bukankah pengalaman mendewasakan? Jika latihan konfigurasi penghalaan dilakukan berulang-ulang kali, adalah mustahil untuk kebolehan tersebut luput daripada kotak ingatan. Jika proses pengkabelan kabel Unshielded Twisted Pair (UTP) dilakukan berulang-ulang contohnya, adalah mustahil untuk ilmu pengkabelan tersebut dilupakan begitu sahaja.

Betulkan niat

Dari Amirul Mukminin Abu Hafsh, Umar bin Al-Khattab ra berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Segala amal itu bergantung pada niatnya, dan setiap orang hanya mendapatkan apa yang diniatkan."

Ia jelas bahawa niat itu sangat penting dalam kelangsungan menuntut ilmu dan ia tidak terkecuali mempelajari dalam cabang ilmu Rangkaian Komputer. Apabila perjalanan pengajian dalam bidang Rangkaian Komputer ini dimulai, ketetapan terhadap hati perlu dituntaskan semahu-mahu yang mana ia lazimnya terdiri daripada sebab musabab berikut:

- Menambah pengetahuan sedia ada
- Mencari ilmu baharu
- Mendapatkan sijil
- Kerana minat
- Tiada tujuan

Niat dan matlamat yang dipasangkan ini akan akhirnya mencetuskan aras usaha yang dijalankan bagi mencapai niat dan matlamat tersebut. Ketahuilah, usaha dan perbuatan yang dipasangkan kepada tanggung jawab sebagai Khalifah kepada Tuhannya, akan akhirnya dikurniakan manfaat dan berkat yang impak akhirnya berupa rahmat yang menyelubungi setiap usaha yang dilakukan sehabis daya.

ADA APA
DENGAN

TikTok ?

Oleh: Nor Baity binti Kamal Bahrin

TikTok mula menjadi ikutan rakyat Malaysia sekitar tahun 2019. Namun pada masa itu, TikTok hanya diikuti oleh golongan muda. Video yang ditunjukkan pula, hanyalah video yang menunjukkan aksi tarian yang mengikut trend semasa yang ada kalanya, kurang enak ditonton.



Masa berlalu, seiring Malaysia berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada awal tahun 2020, pengikut TikTok juga semakin bertambah. Mungkin juga rakyat mencari hiburan ketika PKP yang silih berganti menjadi PKPP, PKPD dan PKPB yang tiada berkesudahan. Ramai antara kita yang agak sinis dengan aplikasi ini. Namun, tahukah anda, selain video yang dikatakan 'lagho', TikTok juga mempunyai content yang bermanfaat.

Dengan menggunakan tanda pagar beserta kata kunci yang ingin kita cari, pelbagai video yang berkaitan dengan pencarian kita akan dipaparkan dengan pantas. Sebagai contoh, jika anda mahu mencari resipi sesuatu masakan, taip sahaja #tomyamsiam atau #sambaltelurpecah, pasti hidangan tersebut akan tersedia di atas meja makan untuk seisi keluarga esok atau lusa.

Mari kita lihat contoh lain. Anda suka mendengar kata-kata positif dan bermotivasi? Ianya ada di TikTok. Tak percaya? Anda boleh menaip nama penceramah kesukaan anda di ruangan pencarian. Jangan terkejut ya, beberapa figura ini mempunyai akaun rasmi untuk menyampaikan dakwah mengikut cara mereka.

Nah apa lagi yang kita mahukan di TikTok? Anda pengguna tegar Microsoft Office dan mahukan tips and tricks? Taip sahaja #excel, #word, #powerpoint dan sebagainya. Pasti anda akan menyukainya kerana mendapat ilmu baharu dengan cara yang mudah dan boleh mengagumkan kawan-kawan serta bos anda. Menarik kan?

Selain itu, di TikTok juga anda boleh mengikuti video mengaji, ceramah agama mahupun motivasi, dan juga tutorial menggayakan tudung dengan gaya terkini secara live dan percuma. Jangan tak tahu, aktiviti senaman dan zumba juga turut diadakan secara live ya. Bagi sesiapa yang ingin mengiklankan perniagaan, anda boleh juga menggunakan fungsi live streaming ini untuk menjual-beli.





Pernah satu ketika, saya melihat live peniaga menjual kerepak pisang. Dengan viewers yang ramai, laku betul jualan kerepek itu.



Bagi saya sendiri, saya mengikuti TikTok untuk mencari tips penjagaan diri, tips keibubapaan, tips membeli belah (semestinya barangan menarik dari Shopee), tips dekorasi rumah, life hacks dan tidak lupa senarai drama Korea untuk ditonton pada masa senggang. Segalanya di hujung jari!

Yang paling saya suka dengan TikTok ini adalah, saya dapat menukar ribuan gambar di telefon bimbit saya menjadi video-video yang penuh memori. Saya cuma perlu berkeaktiviti dengan menambah muzik dan filter yang bersesuaian untuk melengkapkan lagi video saya. Saya juga boleh memilih video tersebut untuk paparan umum ataupun simpanan saya sendiri. Mudah sangat!

Aplikasi ini memudahkan anda mencari preference yang anda inginkan. Selain pencarian resipi dan tajuk drama, di TikTok juga anda boleh melihat review buku, review filem terkini ataupun ribuan review yang anda perlukan sebagai rujukan. Yang lebih menarik tentang TikTok ini, apa yang anda kerap tonton, video itulah yang akan sering naik di page anda. Jika anda kerap menonton ceramah motivasi, maka page anda akan dipenuhi dengan video ceramah motivasi. Jadi, berhati-hati!

Begini sajalah, ianya terpulang pada jari-jemari kita untuk menerokai teknologi popular ini. Jika kebaikan yang dicari, kebaikan juga yang akan kita perolehi. Begitu juga sebaliknya. Kita sebagai pengguna yang bijak, jangan biarkan kita terus mempunyai stigma yang buruk pada sesuatu perkara tanpa menerokainya terlebih dahulu. Kata orang, tak kenal maka tak cinta. Ini juga harus dipesan kepada anak-anak atau golongan yang lebih muda untuk menggunakan TikTok dengan cara yang bijak dan bermanfaat. Semoga kita semua dihindarkan dari perkara yang sia-sia.

Selamat berTikTok!



Sumber gambar: screenshot dari akaun TikTok penulis

Facebook: Perbezaan 'Page' dan 'Profile'

Oleh: Ts. Erman Hamid

Kita berada di dalam dunia media baharu, sebuah media yang dikenali sebagai media sosial. Ianya sebuah media milik masyarakat, bukan lagi seperti media-media tradisional sebelumnya yang dimiliki oleh organisasi tertentu.

Media bentuk lama, tidak kira sama ada ianya bercetak atau elektronik adalah khusus untuk sesebuah organisasi menyampaikan maklumat. Ada yang berfungsi sebagai media bukan berorientasikan keuntungan; dan ada yang berasaskan perniagaan. Malaysia dilahirkan dengan media tradisional seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM), dan Utusan Malaysia.

Keadaan sudah berubah, zaman berkembang dan media tidak lagi terhad kepada organisasi rasmi. Hari ini, semua entiti masyarakat boleh menjadi penyebar maklumat seumpama media tradisional sebelumnya berfungsi. Siapa sahaja boleh menyebarkan maklumat di dalam media sosial!

Apa sebenarnya media sosial?

Media sosial merupakan aplikasi sebaran maklumat dalam talian, yang menghubungkan sesama pengguna Internet. Menurut Kamus Dewan Bahasa, media adalah alat perantara dan komunikasi, manakala sosial adalah hal berkait perhubungan dalam masyarakat. Menurut Andreas Kaplan dan Micheal Haenlein; media sosial merupakan kumpulan aplikasi berasaskan internet yang berkembang atas dasar ideologi dan teknologi web 2.0, berfungsi sebagai platform komunikasi sosial dalam rangkaian Internet.

Media sosial paling popular adalah Facebook, sehinggakan memiliki akaun Facebook adalah umpama sebuah kelaziman kepada pengguna Internet hari ini. Setiap telefon pintar dalam pasaran hari ini sudah siap dipasang dengan aplikasi Facebook, menandakan keberdirian Facebook sebagai media era baharu. Setiap individu boleh dikatakan memiliki akaun Facebook, begitu juga organisasi dari segenap pelosok dunia, menjadikan Facebook sebagai sebahagian identiti organisasi masing-masing di dalam dunia yang dipanggil Internet.

Facebook terbahagi kepada dua jenis; Facebook Page dan Facebook Profile dengan kedua-duanya menjalankan fungsi yang berbeza. Tanpa memiliki akaun Facebook, ia sepertinya seseorang individu ataupun sesebuah organisasi dilihat ketinggalan dalam konsep bermasyarakat di dalam dunia Internet itu sendiri. Dalam konteks organisasi, kebanyakan mereka kini memiliki akaun Facebook sendiri namun persoalannya, adakah organisasi tersebut menggunakan jenis akaun Facebook yang betul? Adakah ianya Page ataupun Profile?

Kebanyakan organisasi dan perniagaan tahu pentingnya memiliki akaun Facebook untuk melangsungi perjalanan organisasi dan perniagaan mereka, namun tidak ramai yang sedar bahawa mereka perlu memilih jenis akaun Facebook yang betul. Mereka malah tidak menyedari bahawa kedua-dua jenis akaun Facebook tersebut memberi kesan berbeza kepada penggunaan peribadi dan organisasi malah jikapun mengetahui kewujudan Facebook Page dan Facebook Profile, kebanyakan mereka keliru untuk menggunakan jenis yang mana.

Facebook Profile

Facebook Profile merupakan akaun untuk tujuan peribadi, digunakan untuk melakukan hal-hal seperti memuat naik status harian, meletakkan gambar dan mencari semula kenalan yang lama terpisah. Facebook Profile penting kerana ianya digunakan untuk membangunkan Facebook Page dan kemudiannya sebagai platform untuk 'log-in' ke dalam Facebook Page.

Bagaimana? Kita dibolehkan untuk membangunkan satu akaun Facebook Profile yang mengandungi semua maklumat dan hal peribadi kita sendiri dan perlu diingat ia sebenarnya dikhususkan untuk hal-hal peribadi sahaja. Dalam makna lainnya, Facebook Profile bukan diciptakan untuk meladeni hal-hal organisasi dan perniagaan yang kita wakili.

Facebook Profile membolehkan kita berhubung dengan keluarga dan rakan; melihat aktiviti dan kemaskini peribadi semua rakan menerusi 'newsfeed'. Ia begitu halnya dengan kemaskini yang kita lakukan, kesemuanya dapat dilihat oleh rakan Facebook kita juga, menjadikan ianya medium perhubungan terbaik sedang dimiliki dunia siber.

Harus diingat, Facebook Profile diciptakan untuk hal-hal peribadi, dan ia tidak sepatutnya melibatkan sebarang hal perniagaan seperti promosi kuih-kuih jualan, dan insuran. Hakikatnya, berniaga dan menjalankan urusan organisasi di Facebook Profile adalah menyalahi terma penggunaan Facebook Profile seperti yang kita setuju ketika mendaftarkan akaun Facebook Profile tersebut.

Facebook Page

Facebook Page adalah akaun Facebook yang dibangunkan khusus untuk organisasi dan perniagaan, terasing daripada Facebook Profile namun boleh dicapai daripada Facebook Profile masing-masing. Ia mungkin akaun Facebook syarikat, organisasi, jabatan dan perniagaan yang diuruskan pada masa yang sama ketika menggunakan akaun Facebook peribadi kita sendiri.

Membangunkan Facebook Page semudah melakukan klik pada sambungan 'Create a Page' pada 'drop-down menu' yang terdapat pada bahagian kanan atas Facebook Profile dan ikuti langkah seterusnya. Apabila ia sudah tersedia, kita boleh menggunakan Facebook Profile menerusi akaun Facebook Profile kita tanpa perlu 'log-out' daripada akaun Facebook Profile kita sendiri. Facebook Page organisasi yang kita kendalikan bukan hak peribadi kita sendiri. Kita hanya Pengendali kepada Facebook Page, malah kita boleh melantik rakan sekerja kita yang memiliki Facebook Profile untuk sama-sama menjadi Pengendali kepada Facebook Page organisasi kita. Pengendali kepada Facebook Profile boleh terdiri daripada beberapa fungsi berbeza termasuk Pentadbir (Admin), Penyunting (Editor), Penyederhana (Moderator) dan Pengiklan (Advertiser).

Setelah Facebook Page siap dibangunkan, tanggung jawab memastikan Page tersebut sentiasa profesional dan wujud adalah peranan Pengendali Facebook Page. Ianya perlu dimulakan dengan pengenalan kepada jenis urus tadbir organisasi yang diwakili. Jika ianya entiti perniagaan, ianya perlu menerangkan tentang perniagaan yang sedang dijalankan. Facebook Page perlu ditetapkan sebagai 'business-only', supaya data Facebook Profile Pengendali dilindungi daripada semua yang melawati dan melayari Facebook Page tersebut.

Jika dalam Facebook Profile, 'Add Friend' adalah fungsi untuk menambah rakan kepada akaun peribadi kita sendiri, Facebook Page membekalkan fungsi 'Like' dan 'Follow' untuk setiap yang mahu mengikuti Page tersebut. Apabila kita menekan 'Like', secara automatiknya Facebook akan meletakkan kita kepada mod 'Follow' kepada Page yang telah kita 'Like'. Ini bermakna kita akan secara automatik mendapat notifikasi dan mengikuti semua muat naik yang dilakukan Facebook Page tersebut. Jika kita memilih untuk tidak mahu menerima sebarang notifikasi daripada

Page tersebut, maka tekan kembali mod 'Follow' menjadi 'Unfollow'.

Facebook Page, atau Facebook Profile?

Apakah kelebihan Facebook Page, berbanding Facebook Profile, untuk organisasi dan perniagaan?

#1. Pengiklan: Mengiklan menerusi Facebook Profile sebenarnya tidak dibenarkan. Disinilah letaknya fungsi terbesar Facebook Page di mana pemilik organisasi dan perniagaan dibenarkan mengiklan, percuma dan berbayar. Sebarang muat naik adalah dalam kategori pengiklan percuma, yang mana ianya sampai kepada 'newsfeed' semua yang mengikuti Facebook Page tersebut. Untuk meluaskan skop pengiklan, fungsi pengiklan berbayar dibekalkan membolehkan setiap iklan sampai kepada skop pengguna yang luas dan berpotensi.

#2. 'Follower' tanpa had: Masih ada organisasi dan perniagaan yang menggunakan Facebook Profile untuk setiap aktiviti dan ini tidak menguntungkan kerana Facebook Profile mempunyai had tidak melebihi 5,000 rakan sahaja. Facebook Page tampil dengan manfaat tanpa had dalam sudut bilangan pengguna Facebook yang mendapat capaian kepada setiap muat naik, disamping fungsi pengiklan yang membolehkan muat naik tersebut sampai kepada golongan berpotensi di luar senarai pengikut (follower).

#3. Profesional: Facebook Profile dibangunkan untuk tujuan peribadi, maka ia membekalkan banyak fitur berkaitan urusan peribadi. Facebook Page tampil khusus dengan fokus kepada perkara-perkara yang penting kepada urusan organisasi dan perniagaan sahaja. Nama akaun Facebook tersebut boleh diletakkan dengan nama organisasi dan perniagaan, malah muat naik yang dibolehkan kepada pengikut juga adalah terhad kepada maklumat-maklumat rasmi organisasi dan perniagaan seperti sebaran info dan promosi produk dan perkhidmatan.

#4. Fungsi 'Pixel': Ciri khusus untuk Facebook Page ini membolehkan pentadbir akaun Facebook Page sentiasa beroleh maklum balas mengenai keterlibatan pengikut mereka. Ia seumpama 'cookie', yang membolehkan Facebook Page organisasi mengetahui interaksi daripada pengikutnya termasuk berapa ramai yang telah menonton video, membaca muat naik, dan lokasi pengikut yang mengikuti setiap muat naik. Facebook Profile tidak membenarkan aktiviti penjualan produk dan pemasaran, yang sekaligus bermakna ia tidak dibekalkan dengan fungsi 'pixel'.

#5. Penjadualan: Tidak punya masa untuk melakukan muat naik mengenai organisasi dan perniagaan tetapi tetap mahu melakukannya? Facebook Page membekalkan fungsi penjadualan, yang membolehkan pentadbir menyusun muat naik tersebut pada bila-bila masa mengikut tarikh dan masa pada kalendar. Ia memberikan keselesaan dalam pengendalian Facebook Page tanpa mengira hari dan waktu kerana fungsi menjadualkan terlebih dahulu dan ianya akan secara automatik terpapar di Facebook Page pada waktu dan masa yang ditetapkan. Facebook Profile tidak boleh melakukannya!

Facebook Page jawabannya!
Ianya memudahkan!

**“Move fast and break things.”
Mark Zuckerberg**



8 Sebab Mengapa Saya Tidak Menulis: Cabaran Menulis Menurut Warga Akademik FTMK

Oleh: Prof. Madya Ts. Dr. Nurul Akmar Emran, JK Penerbitan dan Sitasi, FTMK

Penulisan dan penerbitan hasil penyelidikan yang berbentuk artikel jurnal merupakan salah satu key performance indicator (KPI) bagi seseorang ahli akademik. Kuantiti dan juga kualiti penerbitan semua ahli akademik adalah di antara kriteria yang diambil kira di dalam penilaian ranking sesebuah universiti.

Namun, mengapa ramai yang merasakan tugas menulis ini begitu mencabar?

“Alangkah bagusnya jika menulis artikel jurnal itu semudah ABC!”, kata seorang rakan.


“Nak tulis satu artikel tu pun punyalah siksa!”, kata seorang lagi.

“Asyik kena reject jek. Down lah!”, antara rungutan yang biasa.

Jika menulis itu mudah, kita tidak akan berdepan dengan masalah tidak mencapai KPI penerbitan. Tidak perlu berpeluh untuk memberi justifikasi kegagalan pencapaian. Bagi menyelami situasi ini satu tinjauan kecil telah dilaksanakan ke atas warga akademik FTMK mengenai cabaran menulis mereka.

Tinjauan telah disertai oleh 75 orang staf akademik FTMK dari empat jabatan (ICA, MI, SE, SKK) seperti di dalam Rajah 1.

Setelah dianalisa, terdapat 8 faktor popular yang telah dikenal pasti sebagai cabaran menulis di kalangan ahli akademik FTMK seperti yang dipaparkan di dalam Rajah 2. Dengan mengenalpasti penyebab yang memberi cabaran kepada penulis, strategi penulisan dapat dirangka bagi membantu para penulis untuk lebih produktif di masa akan datang. Sebagai contoh, bengkel-bengkel bersifat pendedahan dan perkongsian ilmu boleh dianjurkan dan disertai oleh penulis bagi mengatasi kekangan pengetahuan dan kemahiran penulisan dan penerbitan. Ini termasuk menjemput pakar-pakar yang berpengalaman dan produktif dalam penulisan bagi meningkatkan motivasi penulis.



Rajah 1: Penyertaan tinjauan mengikut jabatan

Yang paling penting, tuan badan yang ingin menulis perlu meletakkan matlamat yang jelas dan strategi bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti penerbitan masing-masing. Tiada yang mustahil dengan usaha yang bersungguh-sungguh dalam menjayakan sesuatu matlamat.



CABARAN MENULIS ARTIKEL JURNAL



KEKANGAN PELAJAR

Tiada/kurang pelajar pascasiswazah yang dapat membantu penyelidikan.



KEWANGAN

Kekangan kewangan bagi menampung kos jurnal berbayar




MASA & KOMITMEN LAIN

Kekurangan masa yang berkualiti untuk menulis. Komitmen kerja yang tinggi (P&P, pentadbiran, JK)




MOTIVASI & TEKANAN

Kurang motivasi untuk mula menulis. Tekanan menangan/ penolakan artikel dari penerbit dan pandemik Covid 19.



ILMU PENERBITAN & FOKUS PENERBITAN

Kekurangan ilmu dan skill carian jurnal. Fokus bidang penerbitan yang cepat berubah.

JK PENERBITAN DAN SITAS, FTMK

Sesungguhnya, benarlah kata-kata *“If you wait for perfect conditions, you will never get anything done!”* Cabaran sentiasa menanti. Persoalannya, sampai bila kita mahu menyerah pada keadaan? Ayuh semua, martabatkanlah ilmu melalui penulisan.

FTMK pasti boleh!

Rajah 2: Cabaran penulisan oleh staf akademik FTMK

CALL FOR PAPERS

JACTA

Journal of Advanced Computing
Technology and Application
ISSN: 2672-7188 | e-ISSN: 2682-8820

Journal of Advanced Computing Technology and Application (JACTA) are happy to invite you to submit your precious research manuscripts on all aspects including but not limited to the following technical areas; Hardware and Embedded System, Software Engineering, Networking Systems and Communication, Management Information Systems (MIS), Multimedia, Artificial Intelligence, Information Security and Forensics and Data Analytics.

JACTA is an Open Access Journal that allows double-blind peer review articles to ensure the article contribution, relevance, readability and originality. Its provides a platform for researchers to share their research findings and access to the state-of-the-art of research outcome that related to Computing and Computer Science fields.

Publication Frequency

*May and November
each year.*

Index by:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك
MyJurnal **Google**
Scholar

JACTA is published by the Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). The manuscript selected for normal issue publication is **FREE OF CHARGE**.

For more information, visit us at: <https://jacta.utm.edu.my/jacta> or email us at: editors.jacta@utm.edu.my or jacta@utm.edu.my. JACTA are looking forward for your kind response and quality submission for possible publication. Feel free to contact us if you required more information.

With best regards
Editor-In-Chief,
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK),
Universiti Teknikal Malaysia Melaka UTeM)
jacta@utm.edu.my

**FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI,
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL,
MELAKA**



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PENERBIT UTeM Press
Laman Sesawang : www.utem.edu.my/penerbit
Kedai Buku Atas Talian : utembooks.utem.edu.my
Emel : penerbit@utem.edu.my